

Daripada : Unit Peperiksaan
Kepada : Pensyarah UiTM Cawangan Pulau Pinang
Tarikh : 21 Februari 2023
No. Memo : HEA/2023 – 004(03)
Perkara : Pengemaskinian Status Pelajar dan Kursus Terma 99999

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Sila ambil maklum perkara-perkara berikut:-

i) Pengemaskinian Status Pelajar

Pemberian status pelajar adalah berdasarkan kepada perkara berikut:

Bil.	Status	Penerangan
1	XX	Pelajar tidak hadir ke peperiksaan akhir DENGAN KEBENARAN Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN). Status ini akan dikemaskini oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) selepas mendapat kelulusan JAN.
2	YY	Pelajar tidak hadir ke peperiksaan akhir TANPA KEBENARAN Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN). Status ini boleh dikemaskini oleh pensyarah mengajar. Bagi tujuan ini, pensyarah boleh membuat semakan kehadiran pelajar dengan cara emel kepada resexam@uitm.edu.my .
3	ZZ	Pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir. Atau tidak diberikan markah penilaian bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir. Status ini boleh dikemaskini oleh pensyarah mengajar berdasarkan keputusan Sesi Temubual Ketidakhadiran Kuliah Pelajar Sesi September 2022 -Januari 2023.

Pemberian status ini berdasarkan kepada Peraturan Akademik Diploma dan Sarjana Muda UiTM Pindaan 2021 Bil.1.

ii) Pengemaskinian Kursus Terma 99999 kepada Terma 88888

Penasihat Akademik (PA) yang mempunyai pelajar seliaan yang berada dalam semester akhir perlu mengemaskini kursus Terma 99999 kepada Terma 88888 **SEBELUM** 24 Februari 2023. Kegagalan pengemaskinian akan menyebabkan data peratusan *Graduate On Time (GOT)* kampus yang tidak tepat dan pelajar tidak menerima status tamat.

Sekian.



Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Hajah Siti Noraini Sulaiman

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)

UiTM Cawangan Pulau Pinang

MUKA SURAT 1/1